




**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **89 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **58,461 kes**. Dua (2) kes kematian direkodkan hari ini iaitu satu (1) di daerah Tawau dan satu (1) di daerah Kalabakan.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 109 menjadikan jumlah kumulatif 57,173 orang. Seramai 664 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 233 orang di hospital dan 431 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 32 orang dan 17 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Papar bertukar dari zon jingga ke zon merah manakala daerah Kudat berubah dari zon kuning ke zon hijau.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah lapan (8) daerah
- Zon Jingga tiga (3) daerah
- Zon Kuning sembilan (9) daerah
- Zon Hijau tujuh (7) daerah

5 **Satu (1) kluster baharu** direkodkan hari ini.

**Kluster D Kuala** ialah kluster yang melibatkan pelajar-pelajar di SMA Negeri Pantai Manis. Kes indeks merupakan pelajar perempuan, 16, dan disahkan positif pada 1 Mei 2021 hasil saringan bergejala di Hospital Papar. Pada hari yang sama, seorang (1) rakan kepada indeks kes juga dikesan positif. Susulan kes itu, pengesahan secara aktif (ACD) dan saringan terhadap kontak rapat dijalankan pada 02 Mei lalu merangkumi rakan sebilik serta guru. Hasil saringan tersebut merekodkan 14 lagi kes positif menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 16 kes. Berdasarkan penelitian, kes indeks dipercayai mendapat jangkitan daripada kontak rapat yang mempunyai gelaja lebih awal. Kebarangkalian ini adalah berdasarkan kes yang direkod pada 03 Mei 2021 di mana beberapa pelajar yang dikesan positif mempunyai gejala lebih awal daripada pengesahan kes indeks di sekolah terbabit. Setakat hari ini, kawalan penularan giat dilaksanakan dan arahan penutupan sekolah juga telah dikeluarkan berkuat kuasa mulai 02 Mei 2021.

6 Daripada 89 kes positif COVID-19, sebanyak 30 kes (33.7%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, tujuh (7) kes (7.9%) saringan bergejala, 47 kes (52.8%) dari kluster sedia ada serta lima (5) kes (5.6%) dari lain-lain kategori.

7 Jumlah kapasiti katil 3,972 unit

- Hospital 542 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,910 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 520 unit.

Peratus penggunaan katil 16.72%.

## B PENAMATAN PKPD TIGA (3) TAMAN PERUMAHAN DI LAHAD DATU

1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga taman perumahan iaitu Taman Aman 3, Taman Aman Jaya dan Taman Palm Height, Lahad Datu, Sabah yang dijadualkan tamat pada esok, 5 Mei 2021.

2 Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan 174 ujian saringan di ketiga-tiga taman tersebut namun hanya tiga (3) kes positif COVID-19 direkodkan.

- 3 KKM juga mengesahkan terdapat penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Taman Aman 3, Taman Aman Jaya dan Taman Palm Height, Lahad Datu pada 5 Mei 2021, seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

#### C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat ini bagi Fasa 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **267** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **55,094** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin, seramai **422** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **48,934** orang.
- 3 Bagi Fasa 2 Program Immunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **1,115** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **16,910** orang.
- 4 Bagi Dos 2 vaksin Fasa 2, tiada yang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **satu (1)** orang.
- 5 Bilangan pendaftaran penerima vaksin hari ini sejumlah **2,762** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar setakat ini sebanyak **469,318** (mysejahtera 415,547 : laman web 53,523 : talian vaksinasi 248) bersamaan 16%.

#### D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **318,760** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

**E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 39 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 10,818 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 66 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 61 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 13 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Enam (6) orang : Tidak memakai pelitup muka
  - Satu (1) orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan
  - Satu (1) orang : Rentas daerah/negeri tanpa kebenaran.
  - Lima (5) orang : Ingkar perintah kuarantin.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 107 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 23 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiga (3) tangkapan dibuat iaitu dua (2) tangkapan disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 dan satu (1) tangkapan disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Kastam 1967.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 444 lokasi melibatkan seramai 206 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 54 anggota di 68 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lima (5) premis, melibatkan empat (4) buah daerah iaitu Kota Kinabalu, Kinabatangan, Kota Marudu dan Sandakan

- 7 Sejumlah 60 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 13 daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 303 hebahan di seluruh sabah.

## F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.3%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kudat	98%
2	Beluran	98%
3	Tenom	98%
4	Kota Marudu	98%
5	Beaufort	98%
6	Kinabatangan	97.5%
7	Sipitang	97.5%
8	Papar	97.5%
9	Semporna	97%
10	Keningau	97%
11	Kota Belud	97%
12	Tuaran	97%
13	Ranau	97%
14	Lahad Datu	97%
15	Kota Kinabalu	97%
16	Kunak	97%
17	Penampang	97%
18	Sandakan	97%
19	Tawau	96%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

**Sekian.**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**

**04 MEI 2021**